

## **Kakitangan Juara ‘Olimpik’ Nestlé**

### **SOROTAN PENTING**

- Diadakan sekali setiap empat tahun, Nestlé Supermeet 2016 menghimpunkan lebih 1,000 kakitangan dari seluruh Malaysia dan Singapura dalam temasya sukan persahabatan.

**PETALING JAYA, 14 JULAI 2016** – Kesungguhan dan latihan rapi yang dijalankan selama beberapa bulan telah membuahkan hasil bagi kakitangan Nestlé Malaysia yang mengambil bahagian dalam temasya sukan Nestlé Supermeet 2016!

Menjiwai semangat Sukan Olimpik, inisiatif ini yang digelar “Supermeet”, menghimpunkan kakitangan Nestlé dari Malaysia dan Singapura sekali setiap empat tahun untuk bersaing dalam pelbagai aktiviti sukan. Nestlé Supermeet bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim dalam kalangan kakitangan Nestlé dan juga mendorong kakitangan untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan cergas. Di Supermeet tahun ini, sebanyak 22 acara telah diadakan, termasuk sukan seperti badminton, bola sepak, bola jaring, sepak takraw, tenis dan olahraga.

Lebih daripada seribu atlet Nestlé dari 10 kontinjen dari serata Malaysia dan Singapura telah berhimpun di padang Universiti Malaya untuk bersaing merebut Piala Juara. Selepas persaingan sengit selama tiga hari, Kontinjen Ibu Pejabat dan Jualan (HOU) muncul juara, dengan membawa pulang piala kejohanan.

Mohd Ridzuan, ketua pasukan HOU Nestlé Malaysia yang muncul juara mengulas, “Kami sungguh gembira untuk muncul juara Supermeet kali ini! Terima kasih saya ucapkan kepada pasukan kami yang telah memperlihatkan kerjasama sepasukan dan semangat juang yang hebat. Kami telah mencapai kejayaan besar dan mengatasi jangkaan kami. Terima kasih juga diucapkan kepada para jurulatih, anggota pasukan dan penaja kami.”

“Temasya Supermeet kali ini sungguh hebat dan saya sangat gembira untuk melihat semua atlet kami memberikan prestasi terbaik, menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan kerjasama sepasukan yang cemerlang! Pengalaman ini sungguh menyeronokkan dan acara ini telah menyatukan keluarga Nestlé dari seluruh Malaysia dan Singapura. Saya menyeru semua kakitangan kami untuk terus kekal cergas dan sihat, bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang tersayang,” kata Alois Hofbauer, Ketua Serantau, Nestlé Malaysia / Singapura / Brunei.

Dalam usaha untuk menggalakkan kakitangan terus memenuhi komitmen syarikat terhadap Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, acara Nestlé OMEGA PLUS Fun Walk telah diadakan sebagai salah satu acara utama di kejohanan ini. Acara berjalan kaki tersebut menarik penyertaan hampir 500 kakitangan Nestlé dan ahli keluarga mereka sebagai tanda sokongan demi meningkatkan kesihatan jantung.

Jamie Lim dari pasukan Nestlé Singapura menambah, “Ini adalah Supermeet pertama saya, bersama dengan kebanyakan ahli pasukan saya. Kami sangat teruja untuk turut serta dan seronok mengambil bahagian. Kami juga mendapat ramai kenalan baru dan mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dalam kalangan warga Nestlé menerusi acara ini!”

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

Bimbit: +6012-353 1337

E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestle.com)

**Joanne Lim atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit +6012-304 7604 (Joanne) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)